

JPK.700-2/9/7 (9)



**PANDUAN PENJANAAN & PENGESAHAN SIJIL ELEKTRONIK
(eCertificate)
DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN
MALAYSIA**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

1 JULAI 2023

KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	3
1.1	TUJUAN	3
1.2	PENGENALAN	3
1.3	TEMPOH PENJANAAN SIJIL	4
2.0	TAFSIRAN	4
3.0	SENARAI RINGKASAN	5
4.0	PROSES PENJANAAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MYSPIKE	5
5.0	PROSES PENJANAAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI APLIKASI APPSPIKE	9
6.0	PROSES SEMAKAN PENGESAHAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI MYSPIKE BLOCKCHAIN	12
	LAMPIRAN A	15
i.	CARTA ALIR PROSES PENJANAAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MySPIKE	15
ii.	CARTA ALIR PROSES PENJANAAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI APLIKASI AppSPIKE	16
iii.	CARTA ALIR PROSES SEMAKAN PENGESAHAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI MySPIKE BLOCKCHAIN	17

1.0 PENDAHULUAN

1.1 TUJUAN

Panduan Penjanaaan & Pengesahan Sijil Elektronik (eCertificate) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “Panduan ini”) adalah bertujuan memberi panduan kepada awam dan pihak berkepentingan bagi penjanaaan dan pengesahan Sijil Elektronik Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Panduan ini digunapakai bagi pengeluaran sijil di bawah kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB), Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

1.2 PENGENALAN



Pelaksanaan Sijil Elektronik merupakan satu langkah proaktif yang diambil oleh Jabatan seiring dengan saranan kerajaan menuju ke arah Revolusi Industri IR 4.0.



Teknologi *blockchain* digunakan sebagai satu mekanisme pengesahan ketulenan Sijil. Teknologi ini adalah selamat, boleh disahkan, boleh diakses, diedarkan namun tidak boleh diubah serta kalis qanqquan.



Penjanaaan Sijil elektronik adalah melalui sistem MySPIKE dan pengesahan ketulenan Sijil SPKM melalui pautan ether.myspike.my.



Infrastruktur ICT bagi blockchain dikawalselia oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana



Penyimpanan Sijil Elektronik adalah secara maya dan memudahkan capaian data oleh semua *stakeholders* melalui pelbagai medium yang disediakan.

1.3 TEMPOH PENJANAAN SIJIL

Penjanaaan Sijil Elektronik SKM/DKM/DLKM/PC adalah dalam tempoh **tujuh (7) hingga empat belas (14) hari** selepas tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS). Status penjanaaan sijil juga boleh disemak melalui laman sesawang <https://www.myspike.my> atau sistem AppSPIKE.

2.0 TAFSIRAN

Dalam syarat dan panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“Aplikasi Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia (AppSPIKE)” ertinya Aplikasi mudah alih sistem pangkalan data berpusat JPK yang menyimpan data SPKM;

“Blockchain” ertinya pangkalan data terdesentralisasi dan diedarkan yang disimpan dengan entri yang disulitkan;

“Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia (MySPIKE)” ertinya Sistem pangkalan data berpusat JPK yang menyimpan data SPKM;

“Sijil” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 34 Akta 652;

3.0 SENARAI RINGKASAN

DKM	-	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	-	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPPS	-	Jawatankuasa Pengesahan Pensijilan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)
PPT	-	Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
SPKM	-	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
SLaPB	-	Sistem Latihan Program Bertauliah
SLDN	-	Sistem Latihan Dual Nasional

4.0 SIJIL ELEKTRONIK

- 4.1 Dengan pelaksanaan sijil elektronik ini, tiada lagi penganugerahan sijil fizikal.
- 4.2 Sijil elektronik untuk persijilan SPKM dibangunkan melalui Modul Sijil Elektronik dalam MySPIKE. Modul ini meliputi dua (2) perkara berikut :
 - a. Janaan Sijil Elektronik
 - b. Pengesahan Ketulenan Sijil
- 4.3 Sijil elektronik boleh diakses melalui sistem MySPIKE dan aplikasi AppSPIKE yang boleh dimuat turun melalui Apple App Store, Google Playstore dan Huawei App Gallery.
- 4.4 Semakan ketulenan sijil elektronik dilaksanakan melalui penggunaan teknologi blockchain. Majikan, agensi atau pengguna berkaitan boleh mengesahkan ketulenan sijil melalui dua (2) kaedah iaitu:

- a. Pengguna yang berdaftar dengan MySPIKE boleh membuat semakan melalui Sistem MySpike dan aplikasi AppSPIKE.
 - b. Pengguna yang belum mendaftar dengan MySPIKE boleh membuat semakan di <https://ether.myspike.my>.
- 4.5 Sijil Elektronik hanya boleh dicetak atas kertas bersaiz A4 dan berwarna putih sahaja.
- 4.6 Sijil Elektronik tidak boleh dipinda atau diubahsuai.

5.0 PROSES PENJANAAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MYSPIKE

01

LANGKAH 1

- i. Masuk ke laman web <https://www.myspike.my>.
- ii. Pilih menu **Platform Awam**.



02

LANGKAH 2

- i. Pilih menu **Rekod Persijilan Kemahiran Malaysia**
- ii. Tekan butang menu **Semakan Sijil/Diploma/Diploma Lanjutan.**



03

LANGKAH 3


- i. Masukkan **No Kad Pengenalan** tanpa tanda (-)
- ii. Tekan butang **SEMAK SKM.**



04

LANGKAH 4

- i. Pilih menu **Sijil Digital** di paparan
- ii. Tekan butang **CETAK SIJIL.**



Paparan **Sijil Elektronik (eCertificate)** adalah seperti berikut:




6.0 PROSES PENJANAAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI APLIKASI

AppSPIKE

01

LANGKAH 1


Muat turun aplikasi **AppSPIKE** melalui Google Playstore / Apple Appstore



02

LANGKAH 2

Pengguna perlu berdaftar sebagai pengguna baru melalui aplikasi AppSPIKE




03

LANGKAH 3

- i. Pengguna dikehendaki memasukkan **ID Pengguna** dan **Katalaluan**
- ii. Klik menu **LOG MASUK**


Aplikasi AppSPIKE



04

LANGKAH 4


Klik menu **SIJIL** di paparan.



05

LANGKAH 5

Klik ikon  Adobe PDF untuk papir **Sijil Elektronik**



Paparan **Sijil Elektronik (eCertificate)** adalah seperti berikut:



7.0 PROSES SEMAKAN PENGESAHAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MySPIKE BLOCKCHAIN

Semakan pengesahan ketulenan Sijil Elektronik boleh dibuat melalui MySPIKE Blockchain di laman sesawang <https://ether.myspike.my>.

01

LANGKAH 1

- i. Masuk ke laman web <https://ether.myspike.my>.
- ii. Klik butang **SAHKAN SIJIL ANDA**.



02

LANGKAH 2

Sila Imbas QR Code pada Sijil Elektronik.


JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA
PENYELENGGARAAN MARIN MEKANIKAL
TAHAP TIGA
Dengan ini disahkan bahawa


telah mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) dan memenuhi semua syarat persijilan yang ditetapkan
PENILAIAN TELAH DILAKSANAKAN DI PUSAT BERTAULIAH


K12006-TP-021-3:2013-2019(MT5)FT
S102251979



Imbas QR code ini bagi membuat pengesahan Sijil

Selamat Datang Ke Portal Pengesahan Persijilan dan Pentauliah
Pengesahan Dilakukan Dengan Imbasan Kod QR



 SAHKAN SIJIL ANDA

03

LANGKAH 3

Paparan maklumat pengesahan sijil selepas QR code berjaya diimbas adalah seperti berikut:

ether.myspike.my

Selamat Datang Ke Portal Pengesahan
Persijilan dan Pentauliahan
Pengesahan Dilakukan Dengan Imbasan Kod QR

 SAHKAN SIJIL ANDA

Persijilan Digital TVET Malaysia
ID : 2251979

Nama :

No Kad Pengenalan :

Pusat

Program : TP-021-3:2013

Batch :

Tahun : 072021

Rekod Pengesahan Blockchain
No. Blok : 627336

Blok Transaksi :
0xb98a822d335cd6a2353aad320ad6f31439e6e4df1975abc4d53bc8eaf8b2c

Dari : 0x1E8a40AA6313CAaf7179944fd6EfC8f152cd3ad8


Kepada : 0x9E14735c61d59381cF6e285BBd45E2F353fd8E00

Pengesahan : 1581950


Status : Sah

LAMPIRAN A

i. CARTA ALIR PROSES PENJANAAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI SISTEM MySPIKE



ii. CARTA ALIR PROSES PENJANAAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI APLIKASI AppSPIKE



iii. CARTA ALIR PROSES SEMAKAN PENGESAHAN SIJIL ELEKTRONIK MELALUI MySPIKE BLOCKCHAIN

